



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**17 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**17 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)**

Jitra

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berhasrat untuk memperkenalkan program Baju Raya Rahmah dalam usaha membantu golongan memerlukan menghadapi persediaan menyambut perayaan Aidilfitri.

Menterinya Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, untuk itu beliau telah mengadakan satu sesi libat urus dengan pemain industri tekstil ataupun pakaian dan minggu depan pihak berkenaan akan memberikan maklum balas berserta maklumat berkaitan kepada pihak kementerian.

Salahuddin berkata beliau sendiri akan mengumumkan syarikat atau gedung pakaian yang akan terlibat dalam program itu nanti yang prinsipnya pihak syarikat atau gedung berkenaan mungkin akan memfokuskan kepada baju raya asas melibatkan pakaian wanita dan lelaki serta anak-anak.

"Mereka akan tawarkan pada harga Rahmah, itu saya akan umum kemudianlah, tetapi libat urus itu memang telah berlaku. (Maklum balas mereka dalam sesi libat urus itu) memang positif dan mereka berse-

# Baju raya harga **Rahmah**

Bakal perkenal program bantu golongan susah buat persediaan sambut Aidilfitri



SALAHUDDIN bersama penerima sumbangan pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kembali ke Sekolah dan Program KPDN Kedah di Kodiang.

dia. Sebagaimana Menu Rahmah, kita juga tidak mengamalkan apa dikatakan pemaksaan.

"Kita tak letak apa-apa peraturan atau syarat, tetapi mereka melakukan dengan secara sukarela," ka-

tanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Sumbangan Kembali ke Sekolah dan Program KPDN Kedah di Kodiang, dekat sini, kelmarin.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata restoran ma-

kanan segera McD juga akan terlibat sama dalam Program Menu Rahmah yang dilancarkan KPDN dengan pihak restoran itu akan memberikan keputusan mengenai menu bersesuaian pada minggu depan.

"Mereka nak bincang dari segi menu sebab pasal dia nak kait dengan Rahmah itu (perlu) selesaikan dari segi peraturan saja...secara prinsipal apabila mereka datang berjumpa kami itu,



Mereka akan tawarkan pada harga Rahmah, itu saya akan umum kemudianlah, tetapi libat urus itu memang telah berlaku"

Salahuddin

mereka menyatakan kesediaan untuk sertai Menu Rahmah ini," katanya.

Sementara itu, beliau berkata sejumlah 70 premis makanan di Kedah setakat hari ini memberikan maklum balas bersetuju untuk menyertai Program Menu Rahmah.

"Saya difahamkan KPDN Kedah merancang untuk menambah sehingga 150 (premis makanan) lagi. Ini merupakan satu usaha yang saya rasa sangat murni dan berkesan untuk kita membantu kepada mereka yang sangat memerlukan Menu Rahmah ini," katanya.

# Padah jual alat ganti 'tak ori'

**KPDN rampas 3,043 alat ganti kenderaan bernilai RM240,792**

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi  
mhafis@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**K**egiatan dua syarikat pengedar alat ganti kenderaan di Batu Caves dan Cheras menjual alat ganti tiruan mengundang padah apabila diserbu sepasukan anggota penguat kuasa pada 7 Februari lalu.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Azman Adam berkata, serbuan dilakukan hasil maklumat daripada pemilik cap dagangan berdaftar serta risikan awal.

Menurutnya, hasil pemeriksaan ke atas premis terbabit, pasukan serbuan KPDN Putrajaya menemukan sejumlah 3,043 unit alat ganti kenderaan iaitu penapis minyak, penapis angin dan tali sawat kenderaan jenama Korea yang disyaki tiruan.

"Kesemua alat ganti terbabit bersama beberapa dokumen

perniagaan lain disita dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan RM240,792.

"Pasukan serbuan menahan dua lelaki yang mengaku sebagai pemilik premis terbabit berusia 30-an dan 40-an untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019," katanya dalam satu kenyataan, kelmarin.

Azman berkata, KPDN memberikan peringatan serta amaran kepada mana-mana pihak supaya tidak melakukan

aktiviti menjual barang tiada kelulusan atau kebenaran pemilik cap dagangan berdaftar yang sah terutamanya alat ganti kenderaan kerana boleh mengancam keselamatan pengguna.

"Pengguna dinasihatkan sentiasa berhati-hati terutama apabila membeli alat ganti kenderaan sama ada di premis fizikal atau secara dalam talian agar tidak mudah terpedaya selain tidak menyokong aktiviti penjualan barangan tiruan kerana dikhuatiri boleh mengakibatkan kerugian dan menjejaskan keselamatan pengguna," katanya.

**“Pasukan serbuan menahan dua lelaki yang mengaku sebagai pemilik premis”**  
Azman





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **KERATAN AKHBAR (AGENSI KPDN)**

---

**17 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)**

## SSM sedia 2 inisiatif ringan beban keuangan peniaga

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) memperkenalkan dua inisiatif baharu bagi membantu meringankan beban kewangan syarikat dan membantu komuniti korporat meneruskan perniagaan dalam persekitaran yang mencabar.

SSM dalam satu kenyataan menyebut, inisiatif pertama membabitkan pengurangan kompaun sebanyak 90 peratus daripada nilai asal ke atas syarikat yang berstatus *dissolve* (lupus) di bawah Akta Syarikat 1965.

Pelaksanaan inisiatif ini bertujuan meringankan beban kewangan pengarah dan syarikat yang sudah ditutup.

Inisiatif kedua pula, membabitkan pengurangan kompaun sebanyak 90 peratus daripada nilai asal kompaun bagi semua kesalahan lazim di bawah Akta Syarikat 2016.

Pengurangan kompaun ini diberikan kepada syarikat selepas pematuhan terhadap kegagalan atau kesalahan yang diambil tindakan oleh syarikat.

Terdahulu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub, mengumumkan tiga inisiatif pengurangan kompaun bagi 2023 untuk membantu pemulihan ekonomi negara pascapandemik COVID-19.

SSM menerusi kenyataan itu juga menyebut, pihaknya akan meneruskan enam inisiatif sedia ada.

Antaranya, pengurangan kompaun sebanyak 90 peratus daripada nilai asal kompaun bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965, berkaitan amalan tadbir urus terbaik khususnya serah simpan Penyata Kewangan serta maklumat terkini di SSM.

SSM juga melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2023 dan memperluaskan penggunaan Kod QR SSM BizTrust kepada entiti Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) berdaftar yang boleh diperolehi secara automatik.

Selain itu, SSM meneruskan pelaksanaan inisiatif Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP), untuk menawarkan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar Institut pengajian tinggi (IPT) sepenuh masa.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

**17 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)**

**BERITA ONLINE BERTARIKH 17 FEBRUARI 2023**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
17-Feb	KPDN: McDonald's To Join Menu Rahmah Initiative Soon, Still Deciding On Offerings	<a href="https://ringgitplus.com/en/blog/personal-finance-news/kpdn-mcdonalds-to-join-menu-rahmah-initiative-soon-still-deciding-on-offerings.html">https://ringgitplus.com/en/blog/personal-finance-news/kpdn-mcdonalds-to-join-menu-rahmah-initiative-soon-still-deciding-on-offerings.html</a>	RINGGITPLUS
17-Feb	Domestic Trade Ministry to introduce 'Rahmah Raya' clothing, says Minister	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/16/domestic-trade-ministry-to-introduce-039rahmah-raya039-clothing-says-minister">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/16/domestic-trade-ministry-to-introduce-039rahmah-raya039-clothing-says-minister</a>	THESTAR
17-Feb	Cadang Menu Rahmah di semua RnR – Alexander	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/16/cadang-menu-rahmah-di-semua-rnr-">https://malaysiagazette.com/2023/02/16/cadang-menu-rahmah-di-semua-rnr-</a>	MALAYSIAGAZETTE
17-Feb	SSM perkenal dua inisiatif baharu, bantu pulih ekonomi negara	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1065134/ssm-perkenal-dua-inisiatif-baharu-bantu-pulih-ekonomi-">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1065134/ssm-perkenal-dua-inisiatif-baharu-bantu-pulih-ekonomi-</a>	BH
17-Feb	Jangan berkomplot dengan penyeludup - raja perlis	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2165080">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2165080</a>	BERNAMA
17-Feb	Jangan berkomplot, kerjasama, simpati dengan penyeludup – Raja Perlis	<a href="https://suaramerdeka.com.my/jangan-berkomplot-kerjasama-simpati-dengan-penyeludup-">https://suaramerdeka.com.my/jangan-berkomplot-kerjasama-simpati-dengan-penyeludup-</a>	SUARAMERDEKA
17-Feb	Program Menu Rahmah di Negeri Sembilan kurang sambutan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/245539">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/245539</a>	SH
17-Feb	Bekalan telur di Kelantan tidak mencukupi	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/936713/bekalan-telur-di-kelantan-">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/936713/bekalan-telur-di-kelantan-</a>	HM